

05/04/1998

Jersi kuning Ah Seong akhirnya terlucut

Halmi Samad in Taiwan

TAMPAK begitu hampir bagi Tsen Seong Hoong meraih gelaran pertama tetapi hakikatnya ia masih terlalu jauh buat menobatkan Malaysia dalam peringkat kelapan Jelajah Taiwan dari Bandaraya Ilan ke Taipei sejauh 135 km, semalam.

Seong Hoong satu-satunya pelumba harapan negara untuk mengekalkan jersi kuning sebagai pendahulu individu keseluruhan di hari terakhir tiba-tiba mengalami keracunan makan sekali gus memusnah impiannya.

Panggilan jam 6 pagi yang diterima Ng Joo Ngan kira-kira empat jam sebelum permulaan semalam membawa perkhabaran petaka buat skuad Malaysia apabila Seong Hoong mengadu dia mengalami keracunan makanan.

Dan impian murni 'Ah Seong' (gelaran untuk Seong Hoong) untuk menjadi pelumba Malaysia pertama muncul juara individu keseluruhan Jelajah Taiwan lebur dalam sekelip mata.

Dia muntah tujuh kali sepanjang peringkat kelapan di mana barisan negara terpaksa mendaki Gunung Yes setinggi 800 meter.

Paling menyayatkan hati apabila melihat dia menangis sebaik saja tiba di garisan penamat di Gunung Yes.

Tsen sekadar menduduki tempat ke-22 acara individu keseluruhan walhal jersi kuning itu sudah pasti jadi miliknya. Dalam peringkat berpasukan keseluruhan, Malaysia meraih tempat kelapan.

Empat lagi pelumba negara, Nor Effandy, Shahrulneeza, Kumaresan dan Mahazir Hamad berhempas pulas untuk memastikan Tsen kembali ke kelompok besar.

Nor Effandy mendapat tempat ke-24, Mahathir (28), Sharulneeza (32) dan Kumaresan (33).

Begitupun selain terpaksa menanggung kesakitan akibat keracunan makanan, Tsen terpaksa berhenti kerana tayarnya pancit. Menyedari pelumba berjersi kuning sudah tiada, pelumba lain mengayuh laju meninggalkannya.

"Semua pelumba negara bekerja keras untuk melindungi Ah Seong. Tapi kayuhan Ah Seong bukan seperti biasa. Dia sepatutnya tidak berlumba hari ini kerana tiada tenaga.

"Tetapi keazamannya untuk muncul juara individu keseluruhan dalam Tour de Taiwan cukup besar. Apa boleh buat mungkin nasib tidak memihak kepada Malaysia," kata Joo Ngan.

Jurulatih itu yang muncul juara di Sukan Asia 1970 di Bangkok dan pernah menjuarai Jelajah Indonesia dan Malaysia tetap memuji semangat kerjasama barisan Malaysia.

Apapun Joo Ngan menyifatkan semua pelumba Malaysia menunjukkan peningkatan menakjubkan dalam Jelajah Taiwan berbanding empat penyertaan sebelum ini.

"Sebelum ini kita tidak pernah dapat nombor dua, tiga atau empat. Tetapi kali ini Ah Seong, Kumaresan dan Fandi boleh dapat nombor 2, 3 dan empat. Itu satu pencapaian baik," katanya.

(END)